

17 NOV 1998

APEC-BERITA-TAJUDIN

APEC PERLU BERUSHA LEBIH KERAS TANGANI KRISIS KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Dalam apa yang mencerminkan kekecewaan terhadap kegagalan ekonomi-ekonomi untuk menangani krisis kewangan, sektor swasta Lingkaran Pasifik menggesa ekonomi-ekonomi Apec berusaha lebih keras lagi untuk mencari penyelesaian kepada masalah itu.

Tan Sri Tajudin Ramli, pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac), berkata hanya jika sesuatu yang lebih dilakukan maka sektor swasta dapat memainkan peranannya sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi.

Beliau berkata demikian dalam taklimatnya kepada para pemimpin 21 ekonomi Apec di sini hari ini.

Bagaimanapun, kebanyakan pemimpin yang menyentuh mengenai krisis itu yang bermula Julai tahun lepas tidak membuat apa-apa cadangan konkrit untuk membendung spekulator-spekulator matawang yang menyerang matawang-matawang serantau itu.

Sebelum itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru sektor swasta dalam Lingkaran Pasifik supaya meneruskan usaha membina semula ekonomi-ekonomi yang terjeas dengan krisis kewangan itu supaya mereka boleh membuat pemulihan segera.

Seorang pegawai Abac juga memberitahu 21 pemimpin Apec itu bahawa supaya dadakan tindak balas yang selaras di antara bank-bank pusat dan menangani krisis kewangan itu.

--BERNAMA

MR WAT